

PM lawat kilang buat enjin kapal terbang

PUSAN (Korea), Khamis — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang tiba di bandaraya ini, 400 km ke selatan Seoul, hari ini melawat empat kilang, termasuk kilang membuat jentera kapal terbang di kompleks perusahaan Chongwon, 60 km dari sini.

Perdana Menteri yang diringi oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Abdullah Haji Ahmad Badawi dan rombongan usahawan Malaysia melawat kilang pertama, iaitu Korea Heavy Industries and Construction Co. Ltd (KHIC) jam 10.45 pagi.

Bellau diberi taklimat oleh pengurus syarikat itu, Eneik Nack Chung Sung, mengenai perjalanan pentadbiran dan urusniaga syarikat itu sejak ditubuhkan tahun 1962.

Kompleks kilang industri berat yang terbesar di Korea itu mengandungi sembilan bahagian membuat jentera kilang dan pertanian untuk dieksport dan kegunaan tempatan.

Datuk Seri Dr Mahathir melawat kilang itu lebih sejam untuk meninjau dari dekat kerja-kerja membina dan memasang jentera berat.

Selepas itu, bellau dan rombongannya melawat kompleks industri Chongwon tidak jauh dari situ.

Di kompleks ini, pelbagai perusahaan be-

Dari ZAINUDDIN AYIP

rat dijalankan. Syarikat itu juga membuat usahasama dengan syarikat Malaysia.

Antaranya ialah Perak Hanjoong Simen Sdn. Berhad di Padang Rengas, Perak, Cold Roll Mill Plant untuk projek Hicom dan projek F6-A bersepadu di Lutong, Sarawak dengan kerjasama Sarawak Shell Berhad.

Di sebelah tengah hari, Perdana Menteri melawat tapak projek kilang ketiga, iaitu Dongyang Machinery yang membuat alat-alat komponen kereta.

Dalam taklimatnya, presiden syarikat itu, Chai Yung Pyun, berkata phakniya telah menjual barangan bernilai AS\$32 juta dalam tahun 1980 dan meningkat kepada AS\$55 juta tahun lalu.

Tahun ini, kata bellau, pencapaiannya dijangka meningkat kepada AS\$79 juta dan AS\$200 tahun 1987.

Antara komponen kenderaan yang dikeluarkan ialah steering kereta, jentera ringan pertanian untuk dieksport, termasuk ke Amerika Syarikat dan Eropah.

Kilang terakhir yang dilawati oleh Perdana Menteri ialah Samsung Precision Industries di sebelah petanginya.

Kilang ini ditubuhkan tahun 1977 untuk membuat jentera kapal terbang dan jet ke-

cil yang dipesan oleh Kementerian Pertahanan Korea.

Selain itu, kilang ini juga mengeluarkan alat-alat robot, kamera, jam tangan dan barang elektronik untuk pasaran ke seluruh dunia.

Syarikat itu adalah anak syarikat kumpulan Samsung yang diasaskan tahun 1938. Kumpulan itu kini memberi peluang pekerjaan kepada kira-kira 100,000 orang menuruti 25 anak syarikatnya.

Sepanjang lawatan ke kilang-kilang itu, Datuk Seri Dr Mahathir sempat berbul dengan pelatih-pelatih Malaysia yang dihantar oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) untuk berkursus sambil bekerja.

Dalam majlis beramah mesra dengan pelatih-pelatih Malaysia di Kedutaan Malaysia di Seoul malam tadi, Perdana Menteri menasihatkan mereka supaya mencungkil rahsia kejayaan rakyat negara itu untuk diterapkan sekembalinya ke tanahair kelak.

Bellau menasihatkan mereka supaya bekerja bersungguh-sungguh untuk membuktikan kepada masyarakat Korea bahawa rakyat Malaysia juga kuat bekerja dan berdisiplin.

Sekembalinya ke tanahair kelak, kata bellau, mereka perlu menjadi contoh kepada rakan-rakan sekerja, di samping menyebarkan ilmu dan pengalaman yang diperolehi

sepanjang berkursus di Korea.

Sepanjang perbualan lebih sejam itu, Perdana Menteri tidak putus-putus menasihatkan pelajar dan pelatih Malaysia itu supaya bekerja kuat dan menjaga imej negara.

Majlis itu dihadiri oleh lebih 300 orang, termasuk kakitangan kedutaan dan usahawan yang mengikuti rombongan Perdana Menteri. Ia disirikan dengan nyanjian beramal-ramal dan hidangan makanan kegemarannya rakyat Malaysia.

Kini, ada 95 orang pelatih yang sedang bekerja sambil belajar di pelbagai syarikat perindustrian di bandaraya Seoul dan Pusan, selatan Korea.

Bahan asal dari Arkib Negara Malaysia

No. Siri 5863
No. Penerimaan 120 / 86